

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
(LIBARAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. langkah Kerajaan untuk mempertingkatkan dan menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan berteraskan Islam dengan mendorong dan memastikan penyertaan Bumiputera dalam industri halal seperti perbankan, kewangan, dan pajak gadai (Ar-Rahnu); dan
- b. setakat mana Kerajaan menambah baik kaedah pemberian tanda sijil halal oleh JAKIM di samping memperkukuhkan peranan Halal Development Corporation (HDC) agar ia lebih prihatin terhadap pemasaran produk yang dihasilkan oleh pengeluar umat Islam di dalam negara dan juga eksport.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, falsafah penubuhan kewangan Islam pada awalnya adalah untuk memenuhi keperluan rakyat yang menginginkan perkhidmatan perbankan yang berlandaskan shariah. Oleh itu, produk dan perkhidmatan kewangan Islam dibangunkan dengan tujuan untuk memastikan kumpulan sasaran ini mendapat akses kepada produk kewangan seperti deposit dan pembiayaan yang berteraskan shariah.

Penawaran kontrak berlandaskan shariah oleh bank-bank Islam yang merangkumi kontrak yang berasaskan ekuiti atau perkongsian risiko seperti musyarakah (perkongsian) dapat membezakan produk perbankan Islam daripada produk perbankan konvensional. Ini memberi pilihan pembiayaan tambahan bagi pelanggan. Sebagai contoh, pengenalan akaun pelaburan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) menawarkan saluran pelaburan yang boleh memenuhi pilihan risiko-pulangan yang bersesuaian dengan selera risiko dan keperluan kewangan pelanggan.

Pengenalan akaun pelaburan di bawah APKI 2013 turut menyokong inisiatif Kerajaan dalam memberi peluang kepada golongan Bumiputera di mana YAB Perdana Menteri telah melancarkan Dana Bumiputera Al-Ansar yang merupakan akaun pelaburan terhad yang pertama di Malaysia bagi menyalurkan kemudahan pembiayaan kepada usahawan-usahawan Bumiputera terpilih. Dana ini akan disalurkan kepada 11 sektor utama iaitu makanan halal, minyak dan gas, pendidikan, kesihatan, pertanian dan asas tani, pembinaan, pengangkutan, sokongan telekomunikasi dan utiliti serta pemborongan dan peruncitan.

Dalam memperkasa para pelabur dalam urus niaga pelaburan, industri perbankan Islam telah memperkenalkan *Investment Account Platform* yang berfungsi sebagai platform berpusat yang akan menyenaraikan pelbagai peluang pelaburan yang telah disaring oleh bank-bank Islam berdasarkan kedudukan kewangan pelanggan dan tahap kesanggupan mengambil risiko. Dengan ini, pelanggan dapat membuat pilihan mengikut jenis usaha niaga yang ingin dilaburkan serta memantau prestasi dana tersebut dari semasa ke semasa.

Inisiatif utama lain yang turut dilaksanakan oleh pihak bank adalah pengwujudan lima tabung khas yang bertujuan untuk meningkatkan akses

kepada pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk pembiayaan berteraskan syariah di mana dua tabung tersebut dikhaskan untuk membantu usahawan Bumiputera iaitu Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2) dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera-I (TPUB-i) bagi memastikan usahawan Bumiputera Industri Kecil dan Sederhana dalam sektor tertentu mendapat pembiayaan bank pada kos yang berpatutan di samping menjana kapasiti pengeluaran sektor-sektor tersebut. PKS yang layak dari semua sektor boleh memohon tabung khas ini melalui institusi kewangan pelaksana. Setakat ini 31 Disember 2014, seramai lebih daripada 9,000 usahawan Bumiputera telah menerima perkhidmatan dalam bentuk pembiayaan dan nasihat melalui TUB2 dan TPUB-i.

Kini terdapat lebih daripada 100 jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam di pasaran semasa. Produk-produk ini dapat memenuhi permintaan yang tinggi bukan sahaja daripada golongan Bumiputera, malahan juga daripada kalangan bukan Bumiputera. Sebagai contoh, deposit dan pembiayaan Islam semakin meningkat dari tahun ke tahun.

- **Deposit:** Kadar purata pertumbuhan sebanyak 20.2% dari tahun 2004 hingga 2013 berbanding konvensional sebanyak 9.6%.

- **Pembiayaan Islam:** Kadar purata pertumbuhan sebanyak 21.2% dari tahun 2004 hingga 2013 berbanding konvensional sebanyak 10.0%.